

Projek DBKL: Laporan siasatan dalaman siap minggu depan – Dr Zaliha

PUTRAJAYA - Siasatan dalaman berhubung dakwaan salah laku yang dikaitkan dengan pelakon dan pengarah, Datuk Afdlin Shauki berhubung perolehan projek bernilai RM4 juta di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dijangka siap minggu depan.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, unit integriti DBKL akan memanggil semua pihak berkaitan termasuk Afdlin bagi melengkapkan siasatan berkenaan.

“Tidak apa kalau saudara Afdlin mahu menolak dan menafikan tuduhan tersebut, itu hak beliau. Tetapi kita dari sudut tata kelola jabatan khususnya dan agensi kena jalankan (siasatan) yang sepatutnya.

“Siasatan sedang dijalankan saya. Menunggu hasilnya, kalau (Afdlin) tidak bersalah, tidak ada masalah,” katanya

kepada pemberita di sini pada Sabtu.

Beliau ditemui selepas merasmikan Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya (HTPBKP) 2025 yang berlangsung selama dua hari sehingga Ahad.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana isu salah laku dan tata kelola.

Justeru, beliau telah meminta tindakan segera dilaksanakan oleh DBKL berhubung salah laku itu.

“Kita di Wilayah Persekutuan, kita perkenal satu **budaya** kerja harmoni iaitu integriti.

“Ia bermaksud tata kelola yang baik dan elak rasuah supaya akhirnya perkhidmatan dapat diberikan yang terbaik,” ujarnya.

Sebelum ini, media melaporkan DBKL melancarkan siasatan dalaman berhubung dakwaan salah laku seorang ahli

Afdlin nafi tuduhan salah laku projek

Pelakon itu dakwa ada pihak sengaja mainkan agenda burukkan namanya

SHAH ALAM

Ahli Lembaga Perasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Datuk Afdlin Shauki menegaskan bahawa beliau tidak terlibat dengan dakwaan salah laku dalam perolehan projek ini. “Agenda pihak ini hanya didorong oleh perasuah fasad dengannya dan tidak berlempot,” katanya menerusi hantaran di Instagram pada Jumaat. Beliau yang juga pelakon dan

“Baru-baru ini, tular hantaran dalam Telegram yang seolah-olah mengaitkan saya dengan tuduhan salah laku dalam perolehan satu projek di bawah naungan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

“Pertama sekali, saya menafikan sekiranya-kiranya terdapat apa-apa untuk salah laku dalam perolehan projek ini.

“Agenda pihak ini hanya didorong oleh perasuah fasad dengannya dan tidak berlempot,” katanya menerusi hantaran di Instagram pada Jumaat. Beliau yang juga pelakon dan



AFDLIN SHAUKI

penerbitan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta kerana dianggap sebagai tender terbuka.

Pada Ahad, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif menegaskan bahawa beliau tidak terlibat dengan dakwaan salah laku dalam perolehan projek ini.

Matlah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga sedia untuk menyiasat dakwaan tersebut. Dalam pada itu, Afdlin berkata, beliau telah membuat laporan polis terhadap

pelakon. Saya difahamkan, perkara ini juga sedang disiasat secara dalaman oleh DBKL.

“Oleh itu, saya menyeru saudara-saudara sekalian untuk menahan diri kepada pihak-pihak yang berkecuali untuk melakukan tanggungjawab mereka,” katanya.

Beliau turut menyatipetik kecederaan membabitkan kerjasama penuh terhadap siasatan yang dijalankan.

“Saya bersedia memberi kerjasama penuh dalam siasatan dijalankan berhubung isu ini oleh mana-mana agensi penguatkuasaan.

“Pemeru dan temudugaan bermatlah pihak ini tidak seharusnya diberikan untuk beresutasi.

lembaga penasihat yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif dilaporkan mengesahkan siasatan itu dan sedang bekerjasama rapat dengan unit integriti DBKL.

Dakwaan salah laku membabitkan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial, sejak Jumaat. Ia membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan

perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta, yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Dalam kenyataan susulan di media sosial, Afdlin menafikan dakwaan salah laku dalam perolehan projek di bawah DBKL.

Dakwa Afdlin, isu itu sengaja dimainkan untuk memburukkan namanya. - *Awani*

Laporan
Sinar
Harian pada
Sabtu.